

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

RPK 532 – Perancangan Pembangunan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

- 2 -

1. (a) Apakah **Enam (6)** faktor yang perlu diamalkan oleh seorang Pengurus Projek supaya pelaksanaan projek yang berkesan boleh diperolehi. Apakah kelebihan yang terdapat pada seorang Pengurus Projek yang berlatar belakangkan bidang Perancangan Bandar.

(10 markah)
- (b) Berikan komponen-komponen yang perlu dimasukkan di dalam penyediaan Kajian Kedayahidupan. Dalam Kajian Kedayahidupan Projek, kadar pulangan 30% dianggap sesuai dan munasabah sebagai satu pelaburan pembangunan projek hartanah. Bincangkan kenyataan tersebut.

(15 markah)
2. (a) Penyediaan Pelan-Pelan Teknikal Pembangunan akan melalui pelbagai proses bermula dari peringkat pengesanan tanah sehingga kepada pelan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Senaraikan pelan-pelan berkenaan, urutan persediaan, dan siapa yang terlibat dalam proses penyediaan tersebut?

(10 markah)
- (b) Koordinasi Pelan dilakukan oleh Pengurus Projek sebelum pembinaan dimulakan. Mengapa ia perlu?

(10 markah)
- (c) Berikan Urutan Pelaksanaan sebuah Projek Pembangunan bermula dari peringkat awal sehingga projek berkenaan disalurkan kepada pengguna.

(5 markah)
3. Pengawasan, Penyeliaan, Pemantauan dan Penilaian merupakan komponen penting dalam pembangunan projek khususnya di peringkat pembinaan. Komponen-komponen tersebut mempunyai kaitan dan saling bergantungan. Bincangkan secara khusus dari aspek keperluan, kaedah serta tanggungjawab Pengurus Projek dalam proses berkenaan.

(25 markah)

- 3 -

4. Perancangan Pembangunan Ekonomi mempunyai pelbagai pendekatan. Pilih **Satu** pendekatan danuraikan bagaimanakah pendekatan tersebut dapat digunakan oleh seorang perancang dalam profesionnya?

(25 markah)

5. Jelaskan mengapakah pendekatan neo-klasikal kurang sesuai diguna pakai untuk menerangkan masalah pembangunan di negara-negara sedang membangun?

(25 markah)

6. Pada pandangan anda, pendekatan alternatif (bukan arus perdana) yang manakah yang boleh digunakan untuk menerangkan pengalaman pembangunan sesetengah negara sedang membangun?

(25 markah)

-ooo O ooo-